

# Uinvest meterai Perjanjian Kerjasama dengan SSTC

UB 29.3.2018 B6

KOTA KINABALU:


Syarikat milik penuh Universiti Malaysia Sabah (UMS), UMS Investment Holdings Sdn Bhd (Uinvest) meterai Perjanjian Kerjasama bidang pengurusan perladangan bersama Kolej Sabah Skills & Technology Centre (SSTC).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Uinvest Ramlan Awang Ali berkata, perjanjian berkenaan menjurus kepada penawaran program Sijil Pengurusan Perladangan dan Kemahiran Industri dalam Pengurusan Agro-Bisnes.

“Perjanjian Kerjasama ini dilihat sebagai salah satu usaha untuk memantapkan pembangunan pendidikan serta kemahiran golongan belia di Sabah.

“Ia selaras dengan matlamat kerajaan negeri ke arah pembangunan kemahiran industri yang lebih kompeten dan berdaya saing.

“Usahasama ini juga langkah untuk menggalakkan penglibatan golongan muda di Sabah agar mempunyai kepakaran dan pengetahuan teknikal bekerja dalam



**RAMLAN (tiga kiri) menunjukkan dokumen Perjanjian Kerjasama bersama Natalie (lima kanan). Turut kelihatan Yusak (kiri) dan Jennifer (tiga kanan).**

bidang perladangan dan agro pertanian,” katanya di sini pada Selasa.

Menurutnya, program berkenaan mampu meningkatkan pengetahuan para pelatih melalui pembelajaran berasaskan pengalaman kerja.

Pada masa sama jelasnya, pelatih akan dibentuk menjadi pekerja yang profesional dan terlatih.

“Kedua-dua program kemahiran ini akan melibatkan tempoh pengajian selama setahun di SSTC.

“Ia amat bersesuaian untuk pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan yang setaraf atau lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan yang setaraf,” katanya.

Padamajlis menandatangani perjanjian berkenaan, SSTC

diwakili oleh pengarahnya Natalie Fung serta Pengurus Latihan Jennifer Michael.

Hadir sama, Pengurus Besar Kumpulan Uinvest Yusak Yumboris @Misek; Ketua UMS Centre For Profesional Development (UCPD) Mohd Hamdan Ruhimin; dan Ketua Seksyen Pemasaran dan Promosi Uinvest Nerwani Shereen Halik.